

**RINGKASAN PERUTUSAN
Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM,
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BIL.2/2008 DAN
SAMBUTAN MAULIDDUR RASUL 1429 HIJRAH
PADA 21 MAC 2008 (JUMAAT)**

Y. Bhg. Dato' mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua pegawai dan kakitangan JAS yang hadir pada Perhimpunan Bulanan pagi ini. Perhimpunan Bulanan kali ini diadakan bersekali dengan sambutan Mauliddur Rasul 1429 Hijrah bagi memperingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Beliau juga menyentuh mengenai pilihanraya Umum ke-12 yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 yang lalu. Ramai daripada kita telah melaksanakan tanggungjawab dalam sebuah negara demokrasi. Pilihanraya Umum ke-12 ini telah membawa banyak perubahan yang di luar jangkaan. Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan muka-muka baru barisan kabinet yang akan menerajui kementerian-kementerian termasuklah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan diterajui oleh seorang menteri baru iaitu Y.B Datuk Douglas Uggah Embas yang berasal dari Sarawak. Manakala Timbalan Menteri pula ialah Y.B Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh yang berasal dari Sabah. Syabas dan tahniah di atas pelantikan tersebut. Kedatangan Y.B Menteri baru ini amat dialu-alukan. Beliau juga mengingatkan kepada semua anggota JAS supaya dapat

memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada kepimpinan Y.B. Menteri baru ini.

Sebagai memperingati Hari Kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, beliau menyeru kepada semua anggota JAS supaya dapat mencontohi ciri-ciri keperibadian Baginda. Baginda merupakan manusia agung dan menjadi contoh ikutan terbaik kepada semua umat manusia. Dalam menjalankan segala tugas yang diamanahkan sebagai penjawat awam amnya dan sebagai anggota JAS khasnya, kita hendaklah mencontohi ciri-ciri keperibadian yang ada pada diri Baginda seperti bersifat amanah. Semua anggota JAS hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi dengan penuh amanah. Selain itu, perbuatan-perbuatan yang melanggar etika seperti penipuan dan penyalahgunaan kuasa perlu dielakkan sama sekali. Contohnya, bersubahat menolong mengetip kad perakam waktu orang lain dan tidak menggunakan sepenuhnya waktu bekerja yang diperuntukkan dengan melakukan kegiatan-kegiatan lain yang tiada kaitan dengan kerja.

Amanah sebenarnya memberi makna dan interpretasi yang cukup luas. Justeru, sifat amanah yang ada dalam diri Baginda hendaklah dijadikan contoh. Setiap anggota JAS sentiasa terdedah kepada elemen-elemen negatif yang boleh menjejaskan reputasi individu dan organisasi. Sekiranya sifat amanah tidak ditanamkan dalam diri, kita akan mudah cenderung untuk melakukan perbuatan - perbuatan negatif tersebut.

Beliau juga mengingatkan kepada semua anggota JAS bahawa cabaran dan isu alam sekitar yang hebat sedang menanti kita. Justeru, bagi menghadapi cabaran alam sekitar yang hebat ini, ketahanan diri yang kuat perlu ada pada semua anggota JAS.

Beliau juga menyentuh mengenai konsep Minda Kelas Pertama. Konsep Minda Kelas Pertama telah diutarakan oleh Y.A.B Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke - 9 (RMK-9). Minda Kelas Pertama akan menghasilkan kerja kelas pertama. Budaya kerja kelas pertama boleh diertikan sebagai :

"Amalan terbaik dan terpuji yang melebihi dari kebiasaan. Ia dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh integriti serta dapat memuaskan kehendak pelanggan"

Sebuah organisasi yang mempunyai peralatan dan teknologi yang canggih belum pasti boleh menghasilkan kerja kelas pertama kerana faktor anggotanya memainkan peranan amat penting. Ini adalah kerana kerja kelas pertama memerlukan anggota memiliki 3 elemen penting iaitu pemikiran, perasaan dan perlakuan kelas pertama. Ketiga-ketiga elemen ini perlu diamalkan untuk mencapai kualiti perkhidmatan yang terbaik melebihi dari kebiasaan. Budaya Kerja Kelas Pertama bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ianya memerlukan komitmen dari semua anggota JAS di semua peringkat tanpa ada pengecualian.

Mengenai dengan aktiviti dan program pengurusan alam sekitar yang sedang dan akan dijalankan ianya hendaklah diteruskan. Semua yang terlibat melaksanakan program dan aktiviti ini hendaklah bekerja lebih gigih agar ianya mencapai matlamat dan objektif yang digariskan.

Mengenai pengurusan kewangan pula, beliau mengarahkan setiap perbelanjaan hendaklah diurus secara berhemah. Pada setiap tahun, JAS mendapat peruntukan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan sepanjang tahun. Di bawah objek 21000 pada tahun 2008, JAS diperuntukan belanja perjalanan sebanyak RM 425,000.00. Memandangkan peruntukan bagi perbelanjaan perjalanan yang agak terhad ini, maka ianya hendaklah dibelanjakan secara berhemah. Sehubungan dengan itu, satu mekanisme kawalan hendaklah dibuat dari awal lagi bagi memastikan peruntukan ini mencukupi sehingga akhir tahun ini. Diperhatikan banyak mesyuarat diadakan di luar pejabat melibatkan kos pengangkutan kapal terbang yang tinggi. Sehingga pertengahan bulan Mac 2008 sahaja, sejumlah RM 123,000.00 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Adalah dikhuatiri peruntukan ini tidak akan mencukupi untuk menampung mesyuarat-mesyuarat lain sehingga ke penghujung tahun. Sehubungan dengan itu, mesyuarat yang diadakan di luar pejabat yang melibatkan pengangkutan kapal terbang hendaklah dikurangkan.

Di akhir ucapan, beliau menyeru sekali lagi kepada semua anggota JAS supaya dapat mencontohi sifar-sifat terpuji Nabi Muhammad s.a.w dan diakhiri dengan ucapan terima kasih.

21 Mac 2008 (Jumaat)